

## Iman Kepada Allah Sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim

SURIANI SUDI

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Email: [suriani@kuis.edu.my](mailto:suriani@kuis.edu.my)

PROF. DR. FARIZA MD SHAM

Department of Dakwah & Leadership, UKM

Email: [farisham@ukm.edu.my](mailto:farisham@ukm.edu.my)

PHAYILAH YAMA

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Email: [phayilah@kuis.edu.my](mailto:phayilah@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Kecerdasan spiritual merupakan satu aspek penting dalam pembentukan peribadi seseorang. Sebelum ini banyak teori dan kerangka konsep berkaitan kecerdasan spiritual dirujuk kepada sarjana Barat. Walau bagaimana pun, teori dan kerangka konsep yang dikemukakan oleh mereka adalah tidak sesuai untuk dijadikan kayu ukur dalam hidup seorang muslim. Keperluan kepada kecerdasan spiritual hakikatnya telah lama dibincangkan di dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis nabi SAW. Teori berkaitan kecerdasan spiritual turut dikemukakan oleh para sarjana muslim antaranya al-Ghazali, Miskawaih, Ibnu Sina serta Najati. Dari situ satu konsep kecerdasan spiritual menurut Islam telah dibentuk. Kefahaman tentang definisi dan konsep kecerdasan spiritual perlu dirungkai dalam masyarakat Islam kerana ia merupakan faktor utama kepada perubahan diri seseorang dan membuatkan hidup lebih bermakna. Kajian ini menghuraikan asas pada kecerdasan spiritual iaitu beriman pada Allah. Kajian akan menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengenal pasti ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang mengaitkan antara iman kepada Allah dengan kecerdasan spiritual seterusnya disokong oleh pandangan para sarjana muslim. Hasil kajian mendapati iman kepada Allah merupakan elemen asas dalam menentukan tahap kecerdasan spiritual khususnya seorang muslim.

**Kata kunci:** kecerdasan spiritual, iman, Allah,

### 1. Pengenalan

Kajian berkaitan kecerdasan spiritual telah dikemukakan oleh Emmons seawal tahun 2000 dan dipopularkan oleh pasangan Zohar dan Marshall (2000). Emmons (2000) telah membincangkan berkaitan kecerdasan spiritual dalam kajiannya bertajuk "*Is spirituality an intelligence? Motivation, cognition, and the psychology of ultimate concern*". Artikel ini menemui spiritual sebagai satu bentuk kecerdasan. Kecerdasan spiritual ditemui sebagai satu kebolehan yang membolehkan orang ramai untuk menyelesaikan masalah dan mencapai matlamat dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini secara tidak langsung menyokong pandangan Gardner, H. (1983) yang mencadangkan lima komponen yang boleh mengukur kecerdasan spiritual seseorang iaitu; keupayaan untuk kesedaran spiritual; kebolehan untuk masuk ke dalam alam kesedaran spiritual; kebolehan untuk menerima pengalaman harian;

kebolehan untuk menggunakan spiritual bagi menyelesaikan masalah; dan keupayaan untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang terpuji.

Selain itu, Danah dan Marshall (2000) juga menyatakan kecerdasan spiritual mempunyai perkaitan dengan kecerdasan intelek (*Intelligence Quotient*) dan kecerdasan emosi (*Emotional Quotient*) seseorang. Kecerdasan spiritual merupakan kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang. Danah dan Marshall (2000) mengemukakan 10 indikator untuk mengukur ketinggian kecerdasan spiritual iaitu kemampuan untuk menghayati sesuatu, kesedaran sendiri, kemampuan untuk berhadapan dan menyelesaikan masalah, kemampuan untuk menghadapi pelbagai kesulitan, mempunyai nilai dan visi sebagai kualiti inspirasi kehidupan, kemampuan untuk mengelakkan kecederaan, kemampuan untuk menganalisis hubungan sesuatu perkara dari pelbagai dimensi, kemampuan kecenderungan untuk membuat kajian kenapa, apa dan mencari jawapannya, kemampuan untuk bekerja dalam satu persidangan dan kemampuan untuk menjadi pemimpin yang berjiwa rakyat.

Namun di sana wujudnya perbezaan dan kelompongan yang ketara antara perspektif Islam dan Barat. Teori-teori barat hanya menekankan kecerdasan spiritual sebagai potensi khas dalam jasad dan sebagai satu jawapan untuk mengisi kelompangan rohani mereka dan kemiskinan terhadap makna sebuah kehidupan. Ia terhasil dari kemelut jiwa masyarakat Barat yang ingin mencari makna kehidupan mereka (Toto 2001). Psikologi barat telah mengabaikan fitrah dalaman manusia. Unsur-unsur yang penting dalam fitrah psikologi manusia seperti dimensi kepercayaan, moral dan kerohanian telah dianggap sebagai wacana yang asing dalam psikologi perkembangan mereka (Mujib dan Mudzakir 2002). Menurut Najati (2008), makna kecerdasan spiritual menurut Barat adalah potensi khas di dalam jasad tanpa mengaitkan dengan kekuasaan Tuhan. Hal demikian ditegaskan lagi oleh Toto Tasmara (2001) yang menjelaskan bahawa kecerdasan spiritual menurut sarjana Barat bersifat sekular dan materialistik. Barat mengatakan spiritual bukanlah dari agama.

Sepertimana ungkapan Zohar dan Marshal (2000) berkaitan kecerdasan spiritual memperlihatkan unsur humanisme serta memisahkan agama dari konsep tersebut;

Kecerdasan spiritual tidak mesti berhubungan dengan agama. Seorang yang beragama tidak menjamin kecerdasan spiritual yang tinggi. Ramai orang humanis dan atheis memiliki IQ yang sangat tinggi sebaliknya banyak orang yang aktif beragama memiliki kecerdasan spiritual yang sangat rendah.

Kajian Tajulashikin Jumahat dan Nor Faizah Abdullah (2014) yang bertajuk *Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula* mendapati wujudnya perbezaan yang ketara antara konsep kecerdasan spiritual dari Barat dan Islam. Menurutnya terdapat dua dilema utama yang wujud dalam teori kecerdasan spiritual dari Barat iaitu terdapat elemen-elemen sekularisme dan pluralisme beragama yang boleh menggugat keutuhan akidah Islam. Pembinaan kerangka konsep kecerdasan spiritual mengikut acuan, falsafah dan epistemologi Islam perlu dilakukan dan ia akan membuka jalan kepada pembuktian konstruk dan dimensi-dimensi kecerdasan spiritual secara saintifik atau empirikal yang dapat memenuhi andaian ilmu kecerdasan arus perdana dan sekali gus memberi penyelesaian kepada dilema ilmuwan Islam. Konsep-konsep ini juga mempunyai potensi untuk dimanfaatkan dalam bidang sains sosial yang lain seperti bidang kepimpinan, pengurusan sumber manusia dan lain-lain lagi.

## 2. Metodologi Kajian

Penulis telah menjalankan kajian ini secara analisa kandungan Di dalam kajian ini, penulis membawakan serta menghurai ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang mempunyai kaitan dengan kecerdasan spiritual dan iman kepada Allah. Penulis seterusnya mengupas pandangan sarjana Islam berkaitan kecerdasan spiritual ini.

## 3. Perbincangan Hasil Kajian

Pada bahagian ini penulis akan mulai dengan perbincangan berkaitan komsep kecerdasan spiritual dan seterusnya dengan asas kecerdasan spiritual muslim iaitu iman kepada Allah yang diambil dari ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis serta pandangan para sarjana muslim.

### 3.1 Kecerdasan Spiritual

Al-Quran menjelaskan bahawa terdapat tingkatan-tingkatan dalam jiwa manusia. *Al-nafs al-mutmainnah* adalah jiwa yang dijanjikan padanya syurga. Jiwa-jiwa yang sentiasa hidup dengan iman dan amal soleh. Jiwa yang akan menemui kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan hasil hubungan yang rapat dengan Allah Taala. Jiwa inilah yang ditakrifkan oleh Najati sebagai jiwa yang cerdas (Najati 1992). Perkara ini juga jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran di dalam surah al-Fajr (89) ayat 27-30 yang menyatakan *al-nafs al-mutma'innah* sebagai jiwa yang dijanjikan padanya syurga.

Maksudnya: Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu) "Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam syurgaKu! (al-Fajr (89): 27-30)

Nabi SAW juga sangat menitikberatkan aspek spiritual dan rohani iaitu dengan menyemai iman ke dalam hati umatnya. Hati yang dipenuhi dengan iman menghasilkan hubungan yang kuat dengan Tuhannya lantas menolak kekuatan spiritualnya dan menghasilkan kekuatan luar biasa yang akan memberi kesan yang sangat besar terhadap dirinya. Perkara ni jelas dalam hadis baginda SAW yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضَغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: Dan ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah bahawa ia adalah hati (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Iman. Bab Fadl Man Istabra'a li Dinihi. No hadis 52).

Menurut al-Nawawi (1989), hati berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang. Ia berperanan dalam usaha menggerak, memberhenti atau memperelokkan perbuatannya. Beliau menjelaskan lagi bahawa hati yang baik adalah hati yang sentiasa ingat akan

kebesaran Allah SWT, mematuhi perintahnya, menjauhi larangannya serta menjauhi perkara syubhat kerana takut terjatuh kepada yang haram. Jelas dari hadis ini bahawa nabi SAW menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya *al-qalb* yang berada di dalam diri manusia. Nabi SAW juga menekankan betapa perlunya seseorang itu menjaga serta memelihara hatinya atau spiritualnya untuk mendapatkan peribadi yang baik dan cemerlang.

Al-Kindi (1980) menafsirkan jiwa yang suci dan cerdas sebagai jiwa yang bersih dari dosa, syahwat dan kekotoran, yang sentiasa mencari hakikat kebenaran sesuatu. Apabila seseorang mencapai jiwa yang suci dan cerdas ini, Allah akan melimpahkan rahmat dan cahaya ke atasnya dan ia merasa kenikmatan ruhaniah dan *ilahiyah* yang kekal mengatasi segala kenikmatan berbentuk kebendaan yang ada di dunia. Sesiapa yang memiliki kenikmatan ruhaniah ini sesungguhnya ia mencapai matlamat tertinggi dalam hidupnya.

Al-Ghazali (2000) menjelaskan elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Menurutny lagi, jiwa manusia ini harus ditransformasikan menuju kesempurnaan. Komponen *al-nafs* menurut al-Ghazali (2000) terdapat dalam tiga tahap. Tahap yang paling rendah ialah *al-nafs al-ammarah*. *al-Nafs al-ammarah* bermaksud jiwa yang penuh dengan kemarahan, pemberotakan dan kerosakan. Tahap jiwa pertengahan ialah *al-nafs al-lawwamah* iaitu jiwa yang penuh dengan penyesalan. Pada satu ketika mereka beriman dan pada suatu saat mereka melanggar perintah Allah, tetapi mereka sedar dan merasa menyesal serta bertaubat kepada Allah swt. Manakala tahap jiwa yang paling tinggi ialah *al-nafs al-mutma'innah*, iaitu jiwa yang tenang serta berjaya melawan nafsu syahwat. Walaupun al-Ghazali tidak mendefinisikan secara langsung maksud kecerdasan spiritual, namun perkara yang penting untuk dirumuskan di sini adalah tahap tertinggi iaitu *al-nafs al-mutma'innah* inilah yang dikatakan sebagai spiritual yang cerdas (Salasiah 2016).

Ibn Sina (2007) pula telah membahagikan *al-nafs* kepada tiga bahagian iaitu jiwa tumbuh-tumbuhan, jiwa haiwan dan jiwa insan. Jiwa tumbuh-tumbuhan adalah sebagai kesempurnaan awal bagi tubuh di mana ia daya nutrisi, daya pertumbuhan dan daya reproduktif. Jiwa ini dikatakan ada pada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Jiwa haiwan pula terdiri dari dua daya iaitu daya penggerak (syahwat, emosi) dan daya persepsi (penglihatan, pendengaran, imaginasi, fantasi dan memori). Jiwa insan pula mencakup jiwa-jiwa yang khusus buat manusia. Ia juga dinamakan sebagai jiwa rasional yang menisbahkan semua fungsi kepada akal. Jiwa ini mempunyai dua daya iaitu daya akal praktis dan daya akal teori. Daya akal praktis cenderung untuk mendorong manusia untuk memutuskan perbuatan yang mahu dilakukan atau ditinggalkan, di mana kita boleh menyebutnya perilaku moral. Manakala daya akal teori adalah daya akal potensi dan akal bakat. Maka jiwa insan inilah yang dikategorikan sebagai jiwa yang cerdas.

Menurut Miskawayh (2011), manusia dikatakan menjadi manusia yang sebenarnya jika ia memiliki jiwa yang cerdas. Dengan jiwa yang cerdas itu, darjat manusia menjadi tinggi setinggi malaikat. Manusia yang paling mulia adalah manusia yang paling tinggi kadar kecerdasan jiwanya dan hidupnya selalu cenderung untuk mengikuti ajakan jiwa yang cerdas itu.

Najati (1992) telah menafsirkan kecerdasan spiritual sebagai kematangan dalaman dan kematangan sosial iaitu kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan sekitarnya, mampu untuk menanggung tanggungjawab dan berdepan dengan pelbagai masalah,

menjalani hidup dengan penuh reda dan bahagia serta bermakna. Najati juga menyamakan kecerdasan spiritual ini sebagai *al-nafs al-mutma'innah*.

Peringkat-peringkat jiwa dalam Al-Quran bermula dari *al-nafs al-ammarah*, *al-nafs al-lawamah* hinggalah peringkat yang tertinggi iaitu *al-nafs al-mutmainnah*, adalah hierarki pembangunan rohani manusia (Hassan 1983). Maka hierarki pembangunan rohani ini sendiri telah memberikan implikasi kepada takrif kecerdasan spiritual (Bensaid et al. 2014).

Kecerdasan spiritual terhasil dari manifestasi iman yang mendalam serta kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT yang melahirkan emosi, pemikiran dan tindakan yang positif (Bensaid et al. 2014). Kecerdasan spiritual itu wujud apabila hati atau jiwa manusia digunakan secara maksimum. Ia melibatkan deria penglihatan, pendengaran serta kapasiti pemahaman manusia dalam ruang lingkup kefahaman wahyu Ilahi. Kecerdasan spiritual adalah sangat ditentukan oleh hubungan hati dengan kebesaran dan keagungan Tuhan.

Tajulashikin Jumahat (2014) menyatakan kecerdasan spiritual dari sudut pandangan Islam adalah potensi dalaman yang efektif iaitu yang berkaitan jiwa, hati dan roh. Elmi (2013; 2015) turut menegaskan bahawa kecerdasan spiritual adalah kekuatan dalaman manusia yang berpunca dari roh, hati, perasaan, jiwa, keimanan yang mendalam, amalan yang istiqamah berlandaskan syariat Allah SWT dan akhlak yang terpuji serta mampu menghayati kehidupan dengan penyesuaian terhadap persekitaran yang Islamik di samping hubungan sesama manusia dan alam. Menurutnya lagi, kecerdasan spiritual merupakan darjah yang mengukur kekuatan dalaman manusia yang menghubungkan Allah SWT dalam segala tindakan. Hubungan dengan Allah SWT yang rapat menyebabkan darjat seseorang meningkat dan mendapat tempat yang mulia di sisiNya. Untuk itu, Elmi merumuskan bahawa kecerdasan spiritual menurut perspektif Islam ialah kekuatan dalaman manusia yang berpunca daripada roh, hati, perasaan, jiwa, keimanan yang mendalam, amalan yang istiqamah berlandaskan syariat Allah SWT dan akhlak yang terpuji serta mampu menghayati kehidupan dengan penyesuaian terhadap persekitaran yang bermatlamatkan menjaga hubungan baik dengan Allah SWT. Dengan itu, kecerdasan spiritual juga dikaitkan dengan kemampuan seseorang untuk membebaskan diri dari hawa nafsu, ikhlas dalam melakukan ibadah berserta cinta, taat, doa, takut dan mengharap hanya kepadaNya, mampu mendidik dan mendisiplinkan jiwa dalam usaha untuk menunaikan tanggungjawab yang disyariatkan Allah (Sa'ad Riyad 2004).

Hasil dari definisi-definisi dan konsep-konsep kecerdasan spiritual yang dibawakan, maka dapatlah disimpulkan bahawa kecerdasan spiritual adalah merupakan kualiti dalaman manusia, bersifat non material, hal-hal yang berkaitan kerohanian, bukan jasmani dan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan secara khususnya adalah berkaitan dengan hati, akal, jiwa dan ruh. Ia adalah kemampuan dalam berfikir, mengerti, memahami, sentiasa positif dan bertindak secara cepat dan sempurna dalam berinteraksi dengan persekitaran dan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan. Kecerdasan spiritual dapat dicapai apabila hati dan jiwa manusia digunakan secara maksimum.

### ***3.2 Beriman Kepada Allah Asas Kecerdasan Spiritual***

Al-Quran menegaskan keimanan kepada Allah merupakan satu elemen yang penting dalam kehidupan manusia. Firman Allah;

Maksudnya: Dia lah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada... (al-Fath (48): 4)

Dalam menafsirkan ayat di atas, Ibn ‘Asyur (2001) menjelaskan bahawa Allah SWT akan memberikan ketenangan hati atau dengan maksud lain kecerdasan spiritual kepada sesiapa yang beriman kepada Allah SWT malah Allah SWT akan menambah iman mereka dari iman yang sedia ada.

Perkara ini disokong oleh Najati (2008) yang mengatakan bahawa kecerdasan spiritual seseorang hakikatnya banyak bergantung kepada hubungannya dengan Allah SWT dan komitmennya dalam ibadah dan takwa kepadaNya. Inilah elemen yang diabaikan oleh sarjana Barat dalam menghuraikan kecerdasan spiritual. Pada hakikatnya, spiritual dalam Islam merangkumi isu kepercayaan, ibadah, etika beragama atau moral yang secara langsung melibatkan perhubungan antara manusia dan Pencipta serta perhubungan sesama manusia (Ramadan 2004).

Beriman kepada Allah merupakan asas kepada kecerdasan spiritual seorang muslim. Menurut Najati (1992), iman dengan akidah tauhid merupakan titik mula kepada perubahan diri seseorang. Ia melahirkan kekuatan rohani yang hebat dan kuat yang mengubah kefahamannya tentang diri, manusia, kehidupan dan alam seluruhnya. Ia mengisi hati dengan cinta Allah, Rasul dan manusia dikelilinginya dan membangkitkan perasaan tenang dan aman tenteram. Menurut Bensaid et al. (2014), kecerdasan spiritual terhasil dari manifestasi iman yang mendalam serta kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT yang melahirkan emosi, pemikiran dan tindakan yang positif. Toto Tasmara (2001) pula menjelaskan bahawa kecerdasan rohaniah adalah kecerdasan yang berpusatkan rasa cinta yang mendalam kepada Allah. Seseorang itu akan cerdas spiritualnya hasil dari imannya yang benar kepada Allah, harapan dan yakinnya pada bantuan Allah dan perlindungannya. Seseorang yang sentiasa menuju kepada Allah serta mengharapkan redaNya, akan sentiasa merasakan Allah bersamanya dan sentiasa dalam bantuanNya. Perasaan inilah yang menghembuskan rasa ketenangan dan seterusnya mencerdaskan spiritualnya (Najati 1992). Malah menurut al-Ghazali (1994), keimanan pada Allah memberi kesan terhadap kecerdasan spiritual. Tiada kelazatan yang lebih besar dari kelazatan mengenali Allah dan kelazatan mengenal Allah adalah berkaitan dengan hati.

Kecerdasan spiritual pada Allah inilah yang ditanamkan oleh baginda Rasul SAW ke dalam jiwa orang-orang arab selama tiga belas tahun yang pertama dalam dakwah baginda SAW. Tauhid inilah memberi kesan yang cukup mendalam dalam mengubah jiwa-jiwa mereka di mana iman ini membersihkan jiwa-jiwa mereka dari adat-adat jahiliah, mengosongkan akal mereka dari kejahilan dan khurafat. Baginda SAW menyeru para sahabat dan umat Islam ketika itu kepada mendekati Allah, mentaati Allah, bergantung hanya kepadaNya dan memohon hanya kepadaNya. Baginda SAW mengajarkan agar tidak takut melainkan hanya kepada Allah dan tidak meminta melainkan hanya kepada Allah (Najati 1992).

Hal ini jelas dalam hadis baginda SAW kepada Ibn ‘Abbas;

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كُنْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا فَقَالَ يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ  
كَلِمَاتٍ أَحْفَظُ اللَّهُ يَحْفَظُكَ أَحْفَظُ اللَّهُ بِحَدِّهِ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ  
بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ  
اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجُفِّتِ  
الصُّحُفُ

Maksudnya: Dari Ibnu Abbas berkata: Aku pernah berada di belakang Rasulullah SAW pada suatu hari, beliau bersabda: "Wahai anak, sesungguhnya aku akan mengajarkan kamu beberapa kalimah; jagalah Allah nescaya Ia menjagamu, jagalah Allah nescaya kau menemui-Nya di hadapanmu, bila kau meminta, mintalah pada Allah dan bila kau meminta pertolongan, mintalah kepada Allah. Ketahuilah sesungguhnya seandainya umat bersatu untuk memberi manfaat kepadamu, mereka tidak akan memberi manfaat apa pun selain yang telah ditakdirkan Allah untukmu dan seandainya bila mereka bersatu untuk membahayakanmu, mereka tidak akan membahayakanmu sama sekali kecuali yang telah ditakdirkan Allah padamu, pena-pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering. (maksudnya takdir telah ditetapkan). (al-Tirmizi. *Sunan al-Tirmizi*. Abwab Sifah al-Qiyamah wa al-Raqa'iq wa al-Wara' 'an Rasul Allah. No hadis 2516)

Aspek akidah adalah aspek terpenting untuk menjadi muslim sejati sebagaimana dinyatakan oleh Abdul Rashid (2003) bahawa ia adalah asas atau tapak bagi pembinaan Islam keseluruhannya dalam diri manusia. Asas akidah yang melibatkan kepercayaan keagamaan dan ketuhanan berupaya menjadikan seorang muslim itu mempunyai jati diri yang sangat tinggi. Perkara-perkara ini turut dikupas oleh Zulkifli Ghani & Nor Salimah (2006) dengan mengaitkan akidah tauhid atau kesaksian terhadap keesaan Allah sebagai kerohanian atau spiritual kepada Allah berkaitan akidah.

Kecerdasan spiritual pada Allah ini akan mengisi hati dan jiwa dengan ketenangan, reda dan kebahagiaan. Keimanan kepada Allah akan menjuruskan seseorang untuk amanah, jujur, adil, bertindak dengan betul, berkelakuan baik, menjauhi permusuhan dan kezaliman dan bertindak dengan sebaik-baik tindakan. Semua ini akan menolak seseorang kepada memperbaiki dirinya, mempertingkatkan kemampuannya yang akhirnya akan menolaknya untuk melakukan sebarang tindakan dengan sebaik-baik tindakan. Maka iman itu sendiri adalah merupakan antara faktor utama dalam merealisasikan kecerdasan spiritual, pembangunan dan kesempurnaan diri seseorang (Najati 1992).

Asas pada keimanan kepada Allah adalah *syahadah* (penyaksiannya) bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah. Menurut al-Ghazali (1994), makna dan isi kandungan *syahadah* (penyaksiannya) bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah adalah sangat penting untuk difahami dengan penuh keyakinan kerana ia dapat meningkatkan kecerdasan spiritual seseorang pada Allah. Menurutnya lagi, kalimah *syahadah* membawa kepada keyakinan terhadap perkara *sam'iyat* seperti pengumpulan dan kebangkitan sesudah mati, pertanyaan Munkar dan Nakir, azab kubur, neraca, titian, syurga dan neraka. Keyakinan terhadap kalimah *syahadah* adalah keyakinan terhadap rukun-rukun iman itu sendiri. Iman

dan keyakinan mempunyai kesan kepada rasa taat di dalam hati manusia dan menjadi pendorong untuk beribadah dengan keyakinan terhadap pembalasan Allah SWT berserta azab siksaNya (al-Ghazali 2000).

Firman Allah;

Maksudnya: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan mengingati Allah. Ketahuilah dengan mengingati Allah itu, tenang tenteramlah hati manusia (al-Ra'd (13): 28)

Menurut al-Qurtubi (1996), ayat tersebut menerangkan tentang keimanan kepada Allah SWT. Keimanan yang akhirnya membawa kepada ketenangan. Ketenangan ini merupakan bentuk kecerdasan spiritual yang mana akan melahirkan generasi yang bertakwa yang memimpin dunia seterusnya meletakkan agama Allah SWT di tempat yang paling tinggi dan agung.

Kerana itulah menurut al-Ghazali (2006) kecerdasan spiritual pada Allah merupakan kecerdasan yang paling mulia. Menurutnya tiada kelazatan yang lebih besar dari kelazatan kecerdasan spiritual pada Allah. Kerana itu Bensaid dan Machouche (2014) menyatakan bahawa kecerdasan spiritual adalah hasil dari iman yang mendalam yang akhirnya diterjemahkan menerusi pemikiran dan tindakan yang benar.

Iman kepada Allah merupakan iktikad dan kepercayaan yang kuat bahawa Allah adalah Tuhan seluruh alam seterusnya mengEsakan dan mentauhidkan Allah dalam ibadah sembahyang, puasa, doa, pengharapan, rasa takut dan ketundukan adalah satu bentuk iman kepada Allah. Hanya Dia yang berhak disembah dan disifatkan dengan sifat yang sempurna dan suci dari sebarang kelemahan. (Nu'aym Yasin t.th).

Mentauhidkan Allah adalah asas keimanan. Ia dizahirkan dengan ucapan syahadah. Ketika utusan Abu Qais datang menemui Nabi SAW, baginda SAW bertanya kepada mereka:

قَالَ أَتَدْرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَحْدَهُ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

"Tahukah kalian apa erti beriman kepada Allah satu-satunya?" Mereka menjawab: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Nabi SAW menjelaskan: Persaksian bahawa tidak ada ilah kecuali Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah... (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Iman. Bab Ada' al-Khams min al-Iman. No hadis 51)

Hadis di atas menjelaskan bahawa tauhid merupakan asas kepada iman (Ibn Battal 2003). Tauhid adalah penyaksian bahawa Allah itu Esa (Ibn Hajar 1986). Ia bermaksud mengesakan Allah dalam pentadbiran dan kejadian, tidak menyembah selainNya, membenarkan nama-namanya yang baik dan sifat-sifatNya yang tinggi, membersihkannya dari segala kekurangan dan keaiban (Salih Fawzan t.th). Al-Qaradawi (2001) menegaskan bahawa tauhid merupakan tunjang utama dalam kehidupan spiritual Islam sepertimana Najati (2002) juga menjelaskan bahawa mereka yang mempunyai akidah tauhid, mempunyai spiritual yang cerdas kerana ia memenuhi fitrah manusia.



Allah menyuruh NabiNya agar menyeru hamba-hambaNya kepada tauhid dan ia merupakan asas kepada ketundukan terhadap amalan-amalan Islam yang lain (Ibn Battal 2003). Sebagaimana disebutkan di dalam hadis berikut;

لَمَّا بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ إِلَى نَحْوِ أَهْلِ الْيَمَنِ قَالَ لَهُ: إِنَّكَ تَقْدُمُ عَلَيَّ قَوْمٍ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ، فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيَّ أَنْ يُؤَخِّدُوا اللَّهَ تَعَالَى، فَإِذَا عَرَفُوا ذَلِكَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ، فَإِذَا صَلَّوْا، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً فِي أَمْوَالِهِمْ...

Maksudnya: Nabi SAW mengirim Muadh ke negeri Yaman. Baginda SAW bersabda kepadanya: "Ajaklah mereka supaya mengakui bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku. Pesuruh Allah. Jika mereka telah mematuhi yang demikian, terangkanlah kepada mereka bahawa Allah SWT mewajibkan kepada mereka solat lima kali sehari semalam. Kalau mereka telah **mentaatinya**, ajarkanlah bahawa Allah SWT memerintahkan kepada mereka supaya membayar zakat harta mereka, diambil dari orang yang kaya di antara mereka dan diberikan kepada orang - orang yang miskin... (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Tawhid. Bab Ma Ja'a fi Qawl al-Nabiy. No hadis 7372)

Menerusi hadis di atas, baginda SAW menjelaskan bahawa kalimah tauhid *La Ilaha Illa Allah* adalah cabang iman yang tertinggi. Ia merupakan kalimah yang agung iaitu kalimah tauhid yang menyebabkan seorang menjadi Islam dengan mengucapkannya dan menjadi kafir dengan menolaknya. Ia adalah kalimah pemisah antara Islam dan kafir. Kalimah agung yang tertinggi ini menegaskan bahawa Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan semua sembah selain Allah adalah terbatal. Beriman dengan kalimah tauhid yang agung ini membawa maksud tiada Pencipta melainkan Allah, tiada Pemberi rezeki melainkan Allah, tiada Pentadbir agung melainkan Allah dan tiada yang memiliki mudarat dan manfaat melainkan Allah. Ia juga mengandungi iman kepada nama-nama dan sifat-sifat Allah. Kerana itulah kalimah ini dianggap sebagai cabang iman yang paling tinggi dan mulia (Ibn al-Uthaymin 1426H; al-Sa'adi 1423H). Sebagaimana disebut di dalam hadis;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ - أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ - شُعْبَةً، فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya: dari Abu Hurayrah berkata Rasulullah SAW telah bersabda: Iman itu mempunyai tujuh puluh lebih - atau enam puluh lebih - cabang, yang paling tinggi adalah ucapan La ilaha illa Allah .... (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman, Bab Sya'b al-Iman. No hadis 58)

Hadis lafaz Muslim pula disebut secara jelas bahawa mentauhidkan Allah menjadi asas kepada Islamnya seseorang;

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسَةِ عَلَى أَنْ يُؤَخَّذَ اللَّهُ ...

Maksudnya: Dari Ibnu ‘Umar berkata Rasulullah SAW telah bersabda; Islam dibangun atas lima landasan; mentauhidkan Allah... (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Iman, Bab Qawlu al-Nabi Buniya al-Islam ‘ala Khamsin. No hadis 120)

Berdasarkan perkara yang telah disebutkan maka dapat disimpulkan bahawa iman kepada Allah merupakan asas kepada kecerdasan spiritual seorang muslim dan ia merupakan kecerdasan yang paling utama bagi seorang muslim sepertimana yang ditegaskan oleh al-Qaradawi (2001) dan Najati (1992) bahawa tauhid merupakan tunjang utama dalam kehidupan spiritual Islam dan ia memenuhi fitrah manusia. Elemen tauhid inilah yang membezakan dengan kecerdasan spiritual yang diguna pakai oleh Barat yang bersifat sekular, materialistik dan tanpa mengaitkannya dengan kekuasaan Tuhan (Toto Tasmara 2001).

Pendekatan tauhid adalah ciri utama dan hakikat agama Islam sejak berzaman. Ia merupakan satu konsep yang bersifat holistik dan berasaskan kepada wahyu. Malah konsep ini jugalah yang menjadi rahsia kejayaan pendidikan dan pembangunan manusia yang dibuktikan oleh Nabi Muhammad SAW (Abdul Aziz 2006). Abdul Aziz (2006) turut menyatakan keperluan untuk kembali memahami dan menghayati paradigma tauhid di mana ia perlu disepadukan antara teori dan amali, roh dan akal serta hati dan budi dan bukan hanya terhenti kepada aspek kerangka teorinya sahaja untuk menjamin keberkesannya.

### 3. Penutup

Hasil yang didapati dari kajian di atas jelas menunjukkan bahawa hubungan dengan Tuhan merupakan titik perbezaan antara konsep kecerdasan spiritual barat dan Islam. Asas bagi kecerdasan spiritual Islam adalah tauhid dan keimanan kepada Allah manakala barat meletakkan kecerdasan spiritual hanyalah sebagai potensi insan semata-mata dan sebagai satu jawapan untuk mengisi kelompangan rohani mereka dan kemiskinan terhadap makna sebuah kehidupan. Huraian para sarjana terhadap ayat al-Quran dan hadis jelas menunjukkan bahawa iman kepada Allah merupakan asas kepada kecerdasan spiritual seseorang khususnya seorang muslim. Maka dengan ini, penulis merumuskan bahawa seorang muslim itu mempunyai kecerdasan spiritual apabila ia mempunyai iman dan tauhid kepada Allah SWT.

### Rujukan

- Abdul Aziz Ismail. 2006. *Ilmu Tauhid Membentuk Peribadi Mukmin*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdul Rashid Ahmad. 2003. *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Mujib Dan Yusuf Mudzakir. 2002. *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Bensaid, B., Machouche, S., & Grine, F. 2014. A Qur’anic framework for spiritual intelligence. *Religions*. 5: 179-198.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2000. SQ - *Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. AJM January 2001. <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>
- Elmi Baharuddin. 2013. *Kecerdasan Ruhaniah dan Amalan Agama di Rumah Kebajikan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2015. Kecerdasan ruhaniah membentuk manusia unggul. *ISLAMIYYAT: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*. 37 (2): 97-105

- Emmons, R. (2000). Is Spirituality an intelligence? Motivation, Cognition, and the Psychology of Ultimate Concern. *International Journal for the Psychology of Religion*. 10 (1): 3–26.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1994. *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hassan Langgung. 1983. *Teori-teori Kesehatan Mental: Perbandingan Psikologi Modern dan Pendekatan Pakar-pakar Pendidikan Islam*. Kajang: Pustaka Huda.
- Iskandar . 2012. Lokus Kecerdasan Spiritual Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Suhuf*, Vol. 5: 37-50
- Ibn Hajar al-'Asqalani Ahmad bin 'Ali. 1986. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Battal Abu al-Hasan 'Ali bin Khalaf bin Abd. al-Malik. 2003. *Syarh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn al-'Uthaymin Muhammad bin Salih bin Muhammad. 1426H. *Syarh Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar al-Watan li al-Nasyr
- Ibn Rajab Al-Hanbali Zain al-Din 'Abd. al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. 2004. *Jami' 'Ulum wa al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Sina. 2007. *Ahwal an-Nafs*. Paris: Dar Byblion.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr. 1993. *Mukhtasar Madarij al-Salikin*. Iskandariyah: Dar Da'wah.
- Imam Mashudi Latif. 2016. Aspek-Aspek Kecerdasan Spiritual Dalam Konsep Pendidikan Nabi Ibrahim AS. *Sumbula: Jurnal Studi Keagamaan, Sosial dan Budaya*. Vol 1 (2): 179-202
- Al-Kindi, Abu Yusuf Ya'qub bin Ishaq. 1980. *Rasa'il al-Falsafiyah*. Beirut: Dar Andalus.
- Miskawayh Ahmad bin Muhammad bin Ya'qub. 2011. *Tahzib al-Akhlaq*. Beirut: Mansyurat al-Jamal.
- Muhammad 'Uthman Najati. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Lubnan: Dar al-Shuruq.
- M. Faiz al-Math. 1996. *Puncak Ruhani Kaum Sufi Khazanah Perjalanan Spiritual Tokoh-Tokoh Islam Yang Terpendam*. Surabaya: Pustaka Progresif
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 2006. *Bustan al-'Arifin*. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Nu'aym Yasin. t.th. *Al-Iman, Arkanahu Haqiqatuhu wa Nawaqiduhu*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Al-Qaradawi Yusuf. 2001. *Al-Hayah al-Rabbaniyyah wa al-'Ilm*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi Yusuf. 1993. *Pengertian Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Al-Sa'adi Abu 'Abd. Allah 'Abd al-Rahman bin Nasir. 1423H. *Bahjah Qulub al-Abrar wa Qurrah 'Uyun al-Akhyar fi Syarh Jawami' al-Akhbar*. Riyadh: Wizarah Syu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Salih bin Fawzan.. t.th. *'Aqidah al-Tawhid*. Jeddah: Dar al-Qasim.
- Toto Tasmara. 2001. *Kecerdasan Ruhaniah*. Jakarta: Gema Insani
- Tajulashikin Jumahat, Benaouda Bensaid & Mohamad Sahari Nordin. 2014. Pembinaan kerangka konsep dan eksplorasi awal model pengukuran kecerdasan spiritual dari perspektif islam. Kertas kerja The 9th International Malaysian Studies Conference (MSC9). Universiti Malaysia Terengganu (UMT). 18 – 20 August 2014
- Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah. 2014. Perbandingan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan barat: Satu penilaian semula. *Proceeding of the*

*International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014:*  
656-666

Wan Liz Ozman Wan Omar. 1996. *Pengurusan Islam Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Zulkifli Ghani & Nor Salimah. 2006. Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali. Kertas Kerja Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. Kuala Lumpur. 8-9 Ogos 2006.